

HUSSEIN - PUJ.

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) - BEKAS PRESIDEN UMNO TUN HUSSEIN ONN MEMUJI UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI PAGI INI.

TUN HUSSEIN BERKATA UCAPAN DASAR PRESIDEN UMNO ITU AMAT TEGAS, PADAT, MUDAH DIFAHAMI DAN MERANGKUMI SEMUA ASPEK.

MENGENAI PERHIMPUNAN KALI INI, BELIAU BERKATA IA ADALAH KEMAS DAN MENARIK.

UMNO SEMAKIN TERSUSUN DAN BAIK PERJALANANNYA KERANA ANGGOTA-ANGGOTA SUDAH MATANG DALAM BERPOLITIK, KATANYA.

TUN HUSSEIN JUGA TERTARIK DENGAN CARA PEMIKIRAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SEKARANG YANG SUDAH SEDAR APA ERTI PERJUANGAN.

APA YANG LEBIH MENARIK, KATANYA, IALAH KERANA AHLI-AHLI UMNO BERANI BERTERUS TERANG DALAM SATU-SATU HAL DEMI KEBAIKKAN NEGARA, BANGSA DAN AGAMA. - BERNAMA 1617/BW